

PAKAIAN SOLAT PATUH SHARIAH DI MALAYSIA

Ezleen Shafena Md Saad

Jabatan Senilukis dan Senireka, Kolej Seni Kreatif,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,
Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar,
Perak, Malaysia

Zainudin Md Nor

Jabatan Seni Reka Fesyen, Kolej Seni Kreatif,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,
Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar,
Perak, Malaysia

Norzaleha Zainun

Jabatan Seni Reka Fesyen, Kolej Seni Kreatif,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,
Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar,
Perak, Malaysia

Corresponding Author's Email: ezleen@uitm.edu.my

Article history:

Received : 4 April 2023

Accepted : 10 April 2023

Published : 10 Mei 2023

ABSTRAK

Solat adalah rukun Islam kedua yang wajib ditunaikan bagi seluruh umat Islam. Menutup aurat dengan sempurna ketika solat adalah wajib agar ibadat solat yang didirikan sah dari sudut hukum. Aurat bagi muslimin (lelaki) adalah dari pusat ke buku lali kaki mana kala muslimat (wanita) adalah seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan. Menjadi tanggungjawab kita bagi memastikan aurat terjaga terutama bagi muslimat (wanita) mengikut syarat sah solat yang telah ditentukan oleh shariah Islam. Shariah adalah undang-undang atau peraturan dalam menjalani kehidupan seharian yang telah ditentukan oleh Islam mengikut Al-Quran dan kitab-kitab ilmunan Islam terdahulu. Bagi muslimat (wanita), terdapat banyak rekaan serta gaya pakaian solat yang dijual di Malaysia seperti pelbagai rekaan telekung iaitu tudung labuh menutupi punggung beserta kain labuh menutupi kaki, mini telekung, jubah abaya dan sebagainya. Keghairahan usahawan-usahawan Malaysia yang menjadikan keunikan rekaan telekung sebagai saingan produk menyebabkan lambakan rekaan yang tidak selaras dengan tuntutan agama Islam. Kajian ini melihat perkembangan rekaan telekung yang terdapat di Malaysia dari perspektif estetika dan fungsi yang mengikut shariah. Kajian juga menganalisa ciri-ciri patuh shariah dalam rekaan telekung

yang digunakan di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan pemerhatian kajian terdahulu, bahan bacaan dan laman media sosial dari pelbagai cabang serta tinjauan ke butik-butik yang menjual pakaian solat wanita. Selain itu, kaedah temubual juga dilakukan untuk mendapatkan pengumpulan data daripada beberapa usahawan-usahawan pakaian solat di sekitar Selangor. Kajian mendapati terdapat rekaan pakaian solat yang tidak sesuai dipakai semasa berjemaah di masjid atau surau dari sudut estetika kerana boleh mengganggu pandangan dan boleh menimbulkan dosa bagi yang melihat. Pemilihan fungsi fabrik yang tidak sesuai juga boleh menyebabkan pakaian solat itu tidak patuh syariah. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan garis panduan harus disediakan bagi menghasilkan rekaan pakaian solat yang lebih efektif dari segi nilai estetika dan fungsinya yang patuh syariah.

Kata kunci: pakaian solat, telekung, patuh syariah, aurat

SHARIAH-COMPLIANT PRAYER CLOTHING IN MALAYSIA

ABSTRACT

Prayer is the second pillar of Islam and is obligatory for all Muslims. Covering the aurat perfectly during prayer is wajib, so that the worship of prayer is valid from the point of view of the law. Aurat for Muslims (male) is from the centre to the ankle of the foot, whereas Muslimat (female) is the whole body except the face and palms. It is our responsibility to ensure that the awrah is maintained, especially for Muslims (women), according to the legal conditions of prayer that have been determined by Islamic shariah. Shariah is a law or regulation in the course of daily life that has been determined by Islam according to the Quran and previous books of Islamic scholars. For Muslims (women), there are many designs and styles of prayer clothes sold in Malaysia, such as various telekung designs, which are long veils covering the buttocks and long cloth covering the legs; mini telekung; abaya robes; and so on. The passion of Malaysian entrepreneurs who have made the uniqueness of telekung designs a product competition has led to the dumping of designs that are not in line with the demands of the Islamic religion. This study looked at the development of telekung designs available in Malaysia from an aesthetic and functional perspective that follows shariah. The study also analysed the shariah-compliant features of the telekung design used in Malaysia. This study uses qualitative methods based on previous observations, reading materials, and social media sites from various branches, as well as surveys of boutiques selling women's prayer clothes. In addition, interview methods were also conducted to obtain data collection from several prayer clothing entrepreneurs around Selangor. Studies have found that there is a design of prayer clothing that is not suitable for wearing during congregations in mosques or surau from an aesthetic point of view as it can interfere with the view and may cause sin for those who see. The choice of inappropriate fabric functions may also result in the prayer attire not being

shariah-compliant. The conclusions from this study suggest that guidelines should be prepared to produce a more effective design of prayer clothing in terms of aesthetic value and shariah-compliant function.

Keywords: *prayer clothes, telekung, shariah-compliant, aurat*

PENGENALAN

Kewajipan menunaikan solat bagi umat islam mendorong cara pemakaian semasa solat selari dengan tuntutan syariah islam. Oleh itu, kepentingan menjaga aurat dan perkara-perkara yang dilarang sangat ditekankan supaya ia selari kehendak Allah swt. Oktariadi (2016) menyatakan ulama bersepakat bahawa aurat seorang wanita yang wajib ditutup semasa solat adalah semua anggota badannya, kecuali muka dan tapak tangannya. Henderi Kusmidi (2016) berpendapat perkataan aurat berasal daripada 'ara bermaksud menutup dan menyorok seperti menutup mata air dan menyoroknya. Ini juga bermakna bahawa aurat adalah sesuatu yang ditutup sehingga tidak dapat dilihat dan dipandang. Menerusi pengertian dari sudut alquran, Allah swt telah berfirman “*dan katakanlah kepada para wanita yang beriman agar mereka menjaga pandangannya dan memelihara kemaluannya, dan janganlah menampakkan perhiasannya yakni aurat kecuali yang terbiasa dilihat. Dan hendaklah mereka menutupkan kain kerudung ke dadanya kecuali kepada suami, anak-anak lelaki mereka, ayah mereka,.....*” Ayat 31, Surah An Nur yang menegaskan bahawa aurat wanita amat penting untuk dijaga dan dipelihara walau apa jua keadaan dan aktiviti harian. Islam tidak menetapkan pakaian khusus untuk solat, namun menetapkan syarat pakaian mengikut hukum syariah.

Menurut Nurhayati (2018) syariah adalah perkataan Shari'a yang berasal daripada perkataan syara'a. Perkataan ini menurut ar-Razi dalam bukunya Mukhtar-us Shihab boleh membawa maksud nahaja (menempuh), awdhaha (menjelaskan) dan bayyan-al masalik (menunjukkan jalan). Sementara itu, menurut Al-Jurjani Shari'ah, ia juga boleh membawa maksud mazhab dan thriqah mustaqim / jalan lurus. Syariah adalah asas dan mempunyai skop yang lebih luas kerana di dalamnya, oleh ramai pakar, ia juga termasuk kepercayaan dan akhlak. Bagi pendapat Siti Sarah Zainal Abidin dan Mohd Nawawi Ismail (2018), syariah Islam adalah satu sistem yang komprehensif dan sempurna. Ia telah mengubah suai mengikut keperluan semasa. Ini bermaksud pemilihan pakaian untuk solat juga termaktub dalam konteks yang dinyatakan khususnya kepada wanita Islam.

Henderi Kusmidi (2016) menyatakan bahawa untuk tujuan ibadat, sebagai contoh untuk solat di masjid, kita digalakkan memakai pakaian yang baik dan suci. Berpakaian mengikut fesyen yang sedang berkembang hari ini, bukan halangan, sejauh mana ia tidak melanggar fungsi mengikut Islam. Walau bagaimanapun, kita diperintahkan untuk tidak keterlaluan. Berpakaian untuk wanita orang-orang yang beriman telah digariskan oleh Al-Quran adalah untuk menutup keseluruhananya.

Zainun et al. (2017) berpendapat fesyen dan trend menawarkan pilihan tanpa had cara berpakaian kepada masyarakat termasuklah telekung kontemporari di Malaysia yang tertumpu kepada pelbagai pilihan warna dan motif. Telekung direka dengan fesyen dan trend yang sangat menarik dalam telekung kontemporari sehingga majlis dan tujuan utama memakai telekung untuk beribadat kepada Allah bertukar menjadi pusat perhatian.

Selain itu, Angraini dan Radwan (2017) menyatakan bahawa Al-Quran telah pun menggariskan beberapa garis panduan mengenai pakaian yang sesuai untuk wanita Islam seperti: pakaian yang digunakan untuk menutup bahagian badan mestilah panjang, lebar dan cukup tebal. Tidak keterlaluan dalam menghias juga dimasukkan sebagai keperluan normatif berpakaian mengikut syariat. Syarat sah solat bagi wanita adalah menutup aurat. Ini bermakna wajib bagi wanita Islam mematuhi syarat ini ketika mereka menunaikan solat supaya ibadat mereka diterima oleh Allah s.w.t. Qurais Shihab (2004) dalam bukunya berkata, masa kini sering menjadi masalah bagi segelintir orang yang menggabungkan fungsi pakaian sebagai hiasan dengan fungsi pakaian sebagai penutup aurat menyebabkan sering tersasar sehingga mengabaikan penutupan aurat ketika solat demi keindahan dan hiasan.

Menurut Iyatna Supriatna (2022) pada zaman kini masih terdapat salah faham tentang pakaian yang berfungsi sebagai penutup aurat dan pelindung badan, tetapi mereka menyerlahkan lebih banyak nilai kecantikan dan perhiasan sahaja sehingga mereka tidak memberi perhatian kepada fungsi utama pakaian dalam Islam.

Di Malaysia, pakaian solat yang sinonim di pakai oleh wanita Islam adalah telekung. Telekung mempunyai dua bahagian: telekung (disarung pada muka dan panjangnya meliputi separuh atas badan) dan kain telekung (dipakai untuk meliputi kaki sepenuhnya). Unikinya, telekung mempunyai pelbagai variasi nama lain mengikut tempat iaitu “mengkane” atau “mahne” dalam dialek Pahang. Di Indonesia pula, nama “mukena” atau “rukuk” sebagai rujukan kepada telekung. Ada juga nama yang paling mirip bunyinya iaitu “telkon”, digunakan oleh komuniti penutur dialek Melayu Sanggau di Kalimantan Barat, Indonesia. Apa jua nama yang diberi, telekung mengekalkan konsep, rupa dan tujuan yang sama. Lambakan jenama-jenama pakaian solat di Malaysia yang bersaing mengeluarkan pelbagai rekaan untuk menarik perhatian pembeli merisaukan kerana ada yang tidak selaras dengan tuntutan agama Islam. Kajian ia memberi tumpuan kepada perkembangan pakaian solat wanita khususnya telekung yang banyak terdapat di Malaysia dari perspektif estetika dan fungsi serta menganalisa ciri-ciri atau karakter yang tergolong dalam konteks patuh syariah.

METODOLOGI

Kaedah kualitatif yang digunakan bagi melihat perkembangan pakaian solat telekung di Malaysia dan memenuhi karakter patuh syariah yang terdapat pada telekung dari segi nilai estetika dan fungsinya. Instrumen yang digunakan merangkumi pemerhatian kajian terdahulu, bahan bacaan dan laman media sosial dari pelbagai cabang serta tinjauan ke butik-butik yang menjual pakaian solat

wanita. Jenama-jenama terkenal di media sosial sekali gus menjadi kadar banding bagi karakter patuh syariah yang menjadi keutamaan dalam pemilihan jenama telekung yang menepati syarak dari segi warna, tatarias, material fabrik dan rekaan telekung.

Media sosial yang terlibat adalah facebook dan Instagram kerana sosial media ini antara yang menjadi tumpuan umum di peringkat pelbagai usia serta mempunyai peratusan tinggi di Malaysia. Pendapat dan pandangan agamawan yang terdapat di dalam akhbar metro juga diambil kira bagi menambah kukuh fakta dan data. Selain itu, kaedah temubual juga dilakukan untuk mendapatkan data daripada beberapa usahawan pakaian solat di sekitar Selangor yang meliputi pandangan serta pendapat mereka dalam mengeluarkan pakaian solat yang memenuhi patuh syariah. Tinjauan di butik-butik menjual pakaian solat seperti di Butik Siti Khadijah, Butik Noureen, Butik Hanna Mirae, Butik Al khauthar, Butik TEA dan butik Bella Ammara menjadi tumpuan perolehan data secara pemerhatian dan melihat secara terperinci iaitu melalui sentuhan bahan kajian bagi merasai ketebalan fabrik yang digunakan adalah tidak jarang dan selesa dipakai ketika solat.

PERKEMBANGAN TELEKUNG PATUH SYARIAH DI MALAYSIA

Perkembangan telekung merangkumi reka bentuk dan trend yang mempengaruhi nilai estetika dan fungsi yang memberi impak kepada seni fesyen tanah air. Persaingan antara usahawan dan pereka fesyen dalam bidang muslimah mendorong mereka menjadikan telekung sebagai salah satu produk utama kerana pasarannya yang lumayan. Oleh itu, pelbagai fesyen telah dikeluarkan untuk menarik minat dan memberi kepelbagaian kepada pasaran. Siti Zanariah Sahib (2013) menjelaskan reka bentuk telekung dipengaruhi oleh unsur-unsur budaya tradisional dan budaya global, iaitu dari gaya hijab Indonesia dan Amerika.

Terdapat pelbagai jenis telekung yang kini berada di pasaran antaranya telekung basic, telekung mini dan jubah telekung. Warna-warna pakaian solat telekung yang patuh syariah di pasaran terdiri daripada warna putih dan warna-warna pastel iaitu warna yang tidak terang dan lembut. Warna putih dikatakan sebagai warna yang melambangkan hati yang bersih dari segala penyakitnya (iri, dengki, sombong, riya dll, Sugirma dan Agustang K (2022). Pada tahun 2009, Siti Khadijah yang menjadikan telekung sebagai produk utama dan memecahkan status quo dengan memperkenalkan telekung inovasi pertama di Malaysia yang memberi fokus kepada material dan jahitan yang jauh lebih baik serta sehingga kini menjadi telekung yang tersohor di Malaysia.

Walaupun di datangkan dalam pelbagai rekaan, telekung Siti Khadijah tetap memastikan semua keluarannya patuh syariah. Dari perkembangan jenama ini, banyak usahawan di Malaysia yang menjadikan telekung sebagai produk utama untuk jenama mereka seperti Telekung Al khauthar, Telekung Hanna Mirae, Telekung TEA, Telekung Noureen dan banyak lagi.

a) Telekung Basic

Telekung basic mempunyai dua bahagian: telekung (disarung pada muka dan panjangnya melitupi separuh atas badan) dan kain telekung (dipakai untuk melitupi kaki sepenuhnya). Telekung ini adalah basic rekaan sejak dahulu dan rekaannya kekal sehingga kini. Telekung ni biasanya dipakai berjemaah di masjid dan di rumah. Fabrik yang selalu digunakan bersifat sederhana berat dan tidak menampakkan warna kulit seperti kain cotton, kain koshibo dan kain jersey. Manakala hiasan yang digunakan yang di hujung tudung labuh dan dahi seperti renda dan sulaman. Sulaman dan renda yang digunakan tidak terlalu berat dan sarat. Ini bagi memudahkan pergerakan ketika solat dan selesa tidak mengganggu tumpuan ketika solat. Bahagian potongan di atas kepala biasanya jenis melekap di dahi supaya aurat rambut tidak terdedah. Sinonim dengan warna putih, hitam dan warna-warna lembut yang tidak menonjol.



Rajah 1: Rekaan Telekung basic
Sumber dari laman web sitikhadijah.com

b) Telekung Mini

Telekung mini ialah telekung tanpa kain dan potongannya sedikit lebih pendek. Kebiasaannya telekung mini digunakan oleh wanita yang ingin menunaikan umrah atau haji kerana tidak terlalu labuh dan lebih selesa untuk bergerak. Selain itu, Ayyani Nurofifah (2013) menyatakan konsep reka bentuk telekung mini juga merujuk kepada teknik profesional dalam evolusi gaya hijab terkini. Potongan tudung biasanya labuh sehingga paras jari tangan. Material fabrik, hiasan dan potongan bahagian kepala cenderung sama dengan telekung basic. Telekung mini

terdapat fungsi yang telah di inovasi seperti mempunyai poket dihadapan dan mempunyai lengan. Warna yang biasa terdapat dipasaran adalah warna putih dan hitam. Warna ini biasa digunakan jemaah wanita semasa menunaikan umrah atau haji.



Rajah 2 : Rekaan Telekung Mini
Sumber dari laman web zaahara.com

c) Telekung Jubah

'Telekung Jubah' merupakan telekung yang cukup panjang hingga menutup kaki. Gabungan rekaan telekung dibahagian tudung dan jubah atau abaya menjadi satu helai sebahagian daripada idea inovasi gaya baru terkini. Telekung jubah biasanya dipakai bagi mereka yang bermusafir kerana ia mudah dibawa dan tidak memerlukan masa yang lama untuk dipakai. Ini dapat menjimatkan masa bagi musafir. Bahagian tangan biasanya terdapat tali yang disangkut di jari semasa solat bagi mengelakkan aurat lengan terdedah.



Rajah 3 : Rekaan Telekung Jubah.
Sumber dari laman web emerald.com.my

KARAKTER PAKAIAN SOLAT PATUH SYARIAH

Karakter atau ciri-ciri pakaian solat dilihat dari segi pemilihan warna, jenis fabrik dan rekaan. Henderi Kusmidi (2016) menyatakan bahawa pakaian wanita Islam harus menutup aurat, longgar tidak menampakkan bentuk badan dan tebal tidak menunjukkan apa yang ada di belakangnya. Ini termasuk dalam syarat sah solat. Pakaian tidak membentuk pakaian syuhroh (untuk kemasyhuran). Menurut beliau lagi di alam tahqiq sunan Ibn Majah, Muhammad Fu'ad Abdul Baaqi menjelaskan:

(Pakaian kemasyhuran) adalah pakaian yang dimaksudkan untuk terkenal di mata manusia, sama ada pakaian itu adalah pakaian mahal yang dipakainya kerana kebanggaan di dunia serta barang kemasnya atau pakaian rendah yang dipakainya untuk mendedahkan zuhud dan riya. (Pakaian memalukan) iaitu penghujatan sebab yang membuat sebab atau penjelasan tentang kehinaan dalam pakaian dengan memakainya.

Allah Ta'ala berfirman dalam al-Quran surah al-A'raf ayat 26 :

"Wahai Adam! Sesungguhnya kami telah menghantar pakaian kepada anda untuk menutup aurat dan permata untuk anda. Tetapi pakaian takwa, itulah yang lebih baik. Begitulah beberapa tanda-tanda penguasaan Tuhan. Mudah-mudahan mereka ingat."

Pakaian Taqwa merujuk kepada kenyataan Sugirma dan Agustang K (2022) bahawa pakaian terbaik yang membawa maksud sikap dan karakter taqwa seorang Muslim yang terkandung dalam dirinya. Pakaian itu bukan sekadar membaluti di badan dan menutup aurat, tetapi mencerminkan akhlak pemakai. Oleh itu, seorang Muslim yang taat bukan sahaja menunjukkan keindahan atau kekemasan pakaian yang di pakai tetapi memperlihatkan keindahan akhlak yang tersemat di dalam jiwa dan hatinya.

Selain itu, Ahmad fauzi (2016) menjelaskan syar'i adalah seorang wanita yang menutupi seluruh badan dan barang kemasnya, yang mana dengan tudung ini dia menghalang orang yang tidak dikenali (bukan mahram) daripada melihat mana-mana bahagian badannya atau perhiasan yang dipakainya. Dan tudung ini boleh menjadi pakaian dan ia juga boleh dalam bentuk tinggal di dalam rumah." *Seorang wanita adalah aurat, apabila dia keluar, syaitan menghiasinya (pada pandangan lelaki itu, ("HR. at-Tirmidzi no. 1176, beliau berkata,—Hadis ini hasan sahih.)).* Bagi pendapatnya lagi I'tidal adalah (keharmonian, keseimbangan) iaitu salah satu ciri Islam. Keharmonian dalam hiasan adalah bertentangan dengan keterlaluan dan melampaui sempadan. Dalam berhias adalah perlu untuk mengekalkan tradisi wanita iman dalam pelbagai masyarakat di bahagian-bahagian yang berlainan di dunia, supaya dalam perhiasan tidak ada yang berlebihan supaya ia menarik perhatian orang ramai.

Selain daripada itu, Sugirma dan Agustang K (2022) juga menjelaskan, karakter pakaian solat selaras dengan keperluan pakaian dalam al-Quran dan hadis secara amnya terdapat tiga, iaitu keperluan normatif, keperluan sosiologi dan keperluan pakaian lelaki dan pakaian wanita. Keadaan normatif pakaian adalah untuk menutup aurat (QS. al-A' raf (7): 26). Keperluan sosiologi ialah pakaian tidak disertakan dengan tulisan atau gambar yang buruk, terutamanya apabila dipakai untuk solat (QS. al-A'raf (7): 31). Pakaian lelaki dan pakaian wanita syarat di antara mereka dilarang menyerupai satu sama lain (HR. Bukhari kitab al-Libas no. 5435).

Ketetapan pakaian solat selari dengan pakaian bagi wanita Islam ketika keluar di khalayak ramai. Fakta ini menetapkan garis ukur dalam perhiasan yang digunakan untuk nampak menarik pada telekung supaya ia tidak tersasar atau terpesong daripada syarak.

Jadual 1: Karakter Syariah pada Telekung di Malaysia

Jenama Telekung	Warna	Karakter syariah		Rekaan
		Tatarias	Material	
Telekung Siti Khadijah	Putih, warna pastel, corak yang tidak keterlaluan	Menggunakan renda cotton, renda elastik, lace dan sulaman warna sekata. Potongan Laser	Kain cotton, Kain Khadijah Ultra Fine Plus (KUF+), Khadijah Basic Poplin V2, Khadijah Airy	Rekaan telekung basic, getah elastik dijahit dibahagian muka, Potongan dua lapisan pada tudung. Mini telekung berpocket. Set telekung sejadah dan beg
Telekung Zahara	Putih, warna pastel, corak yang tidak keterlaluan	Menggunakan renda cotton, sulaman ringkas	Japanese Cotton, Cotton Lycra, Polyster crepe	Rekaan telekung basic, elastik dijahit dibahagian muka. Mini telekung berpocket dan berlengan

Telekung Al khauthar	Putih, warna pastel, corak yang tidak keterlaluan	Menggunakan renda cotton, sulaman penuh	English cotton	Rekaan telekung basic, elastik dijahit dibahagian muka. Mini telekung berpocket dan berlengan
Telekung Hanna Mirae	Warna pastel, corak bunga yang tidak terang	Menggunakan renda sulam, renda cotton ringkas.	Jacquard satin silk, cotton crepe, soluna satin, cotton lycra	Rekaan telekung basic, elastik dijahit dibahagian muka. Set telekung sejadah dan beg
Telekung Emerald	Putih, warna pastel, corak yang tidak keterlaluan	Menggunakan renda sulam, renda cotton ringkas	Ultrafine Cotton polyster, Cotton denim, Polyster crepe	Rekaan telekung basic, elastik dijahit dibahagian muka. Set telekung dan sejadah. Mini telekung berlengan. Telekung Jubah
Telekung Noureen	Putih dan warna-warna pastel	Menggunakan french lace warna sekata, sulaman ringkas dan renda cotton ringkas	Premium Cotton, satin silk	Rekaan telekung basic, elastik dijahit dibahagian muka. Set telekung sejadah dan beg

Telekung Bella Ammara	Putih, warna- warna pastel	Menggunakan renda sulam, renda lace ringkas	100% Cotton	Rekaan telekung basic, elastik dijahit dibahagian muka. Set telekung sejadah dan beg
Telekung TEA	Putih, warna- warna pastel	Menggunakan sulaman halus dengan motif warna-warna pastel	Rosella premium, Koshibo, Crepe	Rekaan telekung basic, elastik dijahit dibahagian muka. Set telekung sejadah dan beg. Telekung Jubah

INOVASI NILAI FUNGSI DALAM PENGHASILAN TELEKUNG PATUH SHARIAH

Daripada pemerhatian dan analisis yang telah dijalankan menunjukkan konsep Shariah berasaskan alquran dan hadis wajib dipatuhi dalam pemakaian pakaian solat telekung untuk memastikan ibadat yang dilakukan mendapat keredhaan Allah swt. Fungsi telekung lebih dekat dengan aspek kerohanian, telekung tidak boleh diubah sewenang-wenangnya. Oleh itu, kaedah yang boleh digunakan sebagai tarikan iaitu melalui inovasi pada fabrik atau potongan telekung. Ia lebih menekankan konsep fungsi yang menjadikan rekaan telekung lebih kompak dan mempunyai nilai keistimewaan tersendiri.

Telekung Siti Khadijah yang menggunakan fabrik inovasi mereka sebagai tarikan selain mengekalkan elemen yang sedia ada sebelum ini berjaya membuktikan ianya dapat mengekalkan elemen patuh shariah. Sebagai contoh inovasi yang digunakan dalam fabrik adalah anti kedutan, ringan dan tidak mudah terbakar. Selain itu idea fungsi yang menekankan keselesaan dari sudut sifat fabrik tersebut seperti sejuk apabila dipakai. Ini memandangkan negara Malaysia mempunyai cuaca panas yang agak ekstrem.

Selain itu, peranan warna bagi mengekalkan warna putih dan warna-warna lembut dalam rekaan telekung supaya lebih menyakinkan pakaian solat atau telekung dalam keadaan bersih dari kotoran dan najis. Ini bertepatan dengan sunnah Rasulullah s.a.w yang gemar menggunakan pakaian solat berwarna putih. Warna-warna menonjol seperti merah, jingga, kuning tidak di anggap patuh shariah kerana memberi perhatian umum dan ia juga dianggap bersamaan

dengan pakaian orang yahudi. Telekung yang labuh, bersih, longgar, tidak nipis sehingga menampakkan bentuk badan serta tidak mempunyai unsur-unsur syubhah seperti boleh menimbulkan riak (Ahmad Fauzi, 2016).Kesimpulannya, kaedah ini dapat mengelakkan daripada penghasilan rekaan yang berlebih-lebihan dan melampaui batas.

KESIMPULAN

Ibadat dan amalan yang kita lakukan adalah untuk mendapat keredhaan Allah swt disamping menjadi muslim yang cuba untuk menghindari daripada melakukan kemungkaran. Oleh itu, setiap aktiviti kehidupan termasuklah menunaikan solat wajib dan sunat mestilah bertetapan dengan syarak yang ternyata terkandung di dalam Al Quran dan Hadis. Panduan ini seharusnya diterapkan dalam penggunaan pakaian solat telekung supaya pakaian solat kita terdiri daripada pakaian taqwa yang telah dijelaskan di dalam al Quran surah al'Araf ayat 26. Selain itu, perhiasan yang berlebih-lebihan untuk pakaian solat tidak disarankan Allah s.w.t malah Allah s.w.t membenci akan manusia yang berlebih-lebihan yang terkandung dalam surah al'Araf ayat 31. Pakaian solat telekung dapat mencerminkan kerohanian diri seseorang seperti sifat rendah diri dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t. Bersederhana dalam berpakaian ketika solat adalah lebih baik kerana ia boleh mengelak diri kita dari melakukan kemungkaran yang tidak disengajakan. Semestinya ia menjamin syarat sah solat dan sekali gus menjadi patuh syariah dalam pakaian solat kita.

RUJUKAN

- Angraini R. R. Jamal Elatrash.(2017). A Reflection On Women Attire Inthequr'an: A Study On Ayatal-Hijāb. *Mazahib, Jurnal pemikiran Hukum Islam Vol XVI, No. 2* (Desember 2017), Pp.125 -134
- Aryani Nurofifah, (2013). Jilbab Sebagai Fenomena Agama Dan Budaya. Thesis. (1-61) <http://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/7347>
- Arif Fakhrudin M. Ag, Siti Irhamah, Lc. (2010). Al-Hidayah AlQuran Tafsir Perkata. *Surah An Nur, Ayat 31, Juzuk 18*. p.354.
- Ahmad Fauzi. (2016). Pakaian wanita Muslimah dalam perspektif hukum Islam. *Jurnal Ekonomi Syariah* 1(1) 2(54) :41-58
- Henderi Kusmid (2016). Konsep Batasan Aurat Dan Busana Muslimah Dalam Perspektif Hukum Islam. *l-Afkar Vol. 5 Nomor II, Juli- Desember 2016*. p.98,100. (97-106).
- <https://emerald.com.my/product/telekung-denim-zahrah-umrah-white/>
- <https://zaahara.com/collections/hajj-umrah-1>
- <https://sitikhadijah.com/my/new-arrivals/classic-signature-aura-colour>
- Iyatna Supriatna (2022), Pendidikan Akhlak Dalam Perspektif tafsir Surah Al-A'raf Ayat 26-27. p.3,1-16. *Jurnal Pendidikan Ar-Rashid* Vol.7 No.2.
- M. Qurais Shihab, (2004), Jilbab Pakaian Wanita Muslimah, (*Jakarta: lentera Hati,2004*), h.52.

- N. Zainun, S. Saidan, Z. Mohamad, N. Hasim (2020). Keterampilan Telekung Kontemporari Alaf Baru Di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2): 153-169
- N. Zainun, J Abdul Holed, Z. Mohamad. (2017). Contemporary telekung in Malaysia it's challenges and realities. *2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017)*. pp. 317-332. <https://ir.uitm.edu.my>
- Nurhayati (2018). Memahami Konsep Syariah, Fikih, Hukum Dan Ushul Fikih. *J-HES Hukum Ekonomi Syariah Volume 2, No. 2, Juli-Desember 2018*. p.127 (125 – 134).
- Oktariadi S, (2016). Had Aurat Wanita Dalam Perspektif Perundangan Islam. 21, 20-26. *Jilid 2, No. 1, Januari – Jun 2016*.
- Sugirma dan Agustang K (2022). Pakaian Terbaik Menurut Al-Qur'an (Telaah Maudhu'i atas Term-Term Bermakna Pakaian dalam al- Qur'an). Al-Wardah: *Jurnal Kajian Perempuan, Gender, dan Agama Vol: 01. 113 (106-118)*.
- Siti Sarah Zainal Abidin (2018). Busana Muslimah Menurut Perspektif Al-Quran dan Al-Hadith. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities Volume 1 (2) p.63 (60-71)*.
- Siti Zanariah Sahib (2013). Busana Muslimah Ala Amerika, Harian Metro. (hlm 21).